SOLAT

SOLAT

MAKSUD SOLAT

Satu ibadat yang menghubungkan hamba dengan Tuhannya, mengandungi beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam.

Dalil kewajipan Solat:

Sabda Rasulullah S.A.W

> “Amalan yang pertama yang dihisab (Allah) atas seseorang hamba pada hari kiamat nanti ialah solat. Jika solat seseorang baik, baiklah pula seluruh amalannya dan begitu sebaliknya”.
>
> (HR Al-Tabrani)

SOLAT

SYARAT SAH SOLAT

- Yakin masuk waktu
- Mengadap kiblat
- Menutup aurat
- Mengetahui fardu dan sunat
- Islam
- Berakal
- Suci daripada hadas kecil dan besar
- Suci daripada najis pada badan, pakaian dan tempat
- Tidak melakukan perkara-perkara yang membatalkan solat

SOLAT

RUKUN SOLAT 13 PERKARA

1. Niat
2. Takbiratulihram

3. Berdiri bagi yang mampu

4. Membaca surah Al-Fatihah.

5. Ruku' dengan tama'ninah
6. 'Iktidal dengan tama'ninah.

7. Sujud 2 kali, dengan tama'ninah
8. Duduk antara 2 sujud, dengan tama'ninah
9. Duduk tasyahhud akhir

10. Membaca tasyahhud akhir
11. Selawat atas Nabi S.A.W dalam tasyahhud akhir
12. Memberi salam
13. Tertib

Tama'ninah ialah tenang, berhenti seketika dan tidak terburu-buru

SOLAT

PERKARA MEMBATALKAN SOLAT

- Berkata–kata dengan sengaja.
- Bergerak tiga (3) kali berturut–turut.
- Kedatangan hadas kecil atau besar.
- Terkena najis.
- Terbuka aurat.
- Berubah niat.
- Berpaling badan (dada) dari arah kiblat.
- Makan/minum walau sedikit.
- Ketawa dengan mengeluarkan suara.
- Menangis hingga mendenggar suara.
- Memanjangkan rukun yang pendek.
- Murtad.
- Mendahului imam
- Terkemudian daripada imamnya melebihi tiga (3) pergerakan.

SOLAT

WAKTU HARAM SOLAT SUNAT YANG TIADA BERSEBAB

- Waktu matahari naik selepas waktu syuruk (anggaran 15minit selepas syuruk).
- Sesudah solat Subuh sehingga syuruk.
- Waktu matahari di tengah langit sehingga gelincir matahari.
- Waktu matahari hendak tenggelam.
- Sesudah solat Asar sehingga Maghrib.

Tetapi seandainya solat yang didahului oleh sebab mempunyai tidaklah dilarang. Seperti :

- Solat qada
- Solat tahiyatul masjid
- Solat jenazah
- Solat sunat wuduk dan sebagainya

SOLAT JENAZAH

SOLAT JENAZAH

- Hukum: Fardu Kifayah.
- Wanita juga boleh menunaikan solat jenazah
- Berjemaah bersama-sama dengan lelaki.
- Biasa ditunaikan selepas selesai solat fardu.

RUKUN SOLAT JENAZAH

- Niat mendirikan solat jenazah.
- Berdiri bagi yang berkuasa.
- Empat kali takbir.
- Membaca Al-Fatihah.
- Membaca selawat ke atas Nabi S.A.W (selepas takbir kedua).
- Doa ke atas jenazah (selepas takbir ketiga).
- Salam.

SOLAT JENAZAH

RUKUN SOLAT JENAZAH

- **Lafaz Niat Solat Jenazah :**

Lafaz

أُصَلِّى عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ اَرْبَعَ تَكْبِرَاتٍ فَرْضَ الْكِفَايَةِ مَأْمُوْمًا لِلّٰهِ تَعَالَى

Sahaja Aku solat Atas Mayat Ini, 4 Takbir Fardu Kifayah, Kerana Allah Taala.

- **Membaca Al-fatihah Selepas Takbir Yang Pertama**
- **Berselawat Selepas Takbir Ke-2, Sekurang-kurangnya:**

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

SOLAT JENAZAH

RUKUN SOLAT JENAZAH

- **Berdoa Bagi Mayat Selepas Takbir Ke-3 Sekurang-kurangnya:**

(Jika Mayat Lelaki) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ

(Jika Mayat Perempuan) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا

(Jika Mayat Ramai) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ

- **Salam Selepas Takbir Ke-4:** السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

SOLAT

SOLAT JUMAAT (WANITA)

- Sabda Rasulullah S.A.W

> "Solat jumaat itu wajib dikerjakan oleh tiap-tiap orang Islam dengan berjemaah, kecuali empat (4) jenis manusia: hamba sahaya yang dimiliki, perempuan, anak-anak dan orang yang sakit."
>
> (Abu Daud & Hakim)

Kesimpulan

- Wanita tidak wajib solat Jumaat.
- Jika mereka solat juga, hendaklah duduk di kawasan yang ditetapkan.
- Selesai solat Jumaat, wanita tidak perlu solat zohor.
- Lebih afdhal solat zohor di kediaman sendiri.

SOLAT

NIAT SOLAT JUMAAT

Lafaz

أُصَلِّيْ فَرْضَ الْجُمْعَةِ رَكْعَتَيْنِ اَدَاءً

مَأْمُوْمًا لِلّٰهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat fardhu Jumaat dua rakaat mengikut imam tunai kerana Allah Ta'ala.

PERHATIAN:

- **Di Tanah Suci, azan pertama pada hari Jumaat dilaungkan setengah jam sebelum masuk waktu.**
- **Jemaah tidak boleh menunaikan solat sunat Qabliah dan solat Zohor pada waktu tersebut sebab belum masuk waktu.**

SOLAT

SOLAT MENGHORMATI WAKTU

- **Adalah solat fardu yang didirikan oleh orang yang tidak ada kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau berhalangan menggunakan air atau debu (faqid tohurayn). Contohnya seperti di dalam kapal terbang, dalam bas dan sebagainya.**

- **Wajib mengulangi solatnya apabila dia sudah memperolehi kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau tiada berhalangan menggunakan air jika waktu solat masih ada.**

- **Qada' (ganti) jika waktu solat telah luput.**

Rujuk – Fiqh 'ala Mazahib al 'Arba'ah 1/167 - Bayan Lil Haj Siri 2 - 1430H

Rujuk – Kitab al Majmu' Syarh al- Muhazzab, Dar Ihya' al Turath, juz 2 hlm. 322-323

PERHATIAN:

Solat hormat waktu bagi faqid tohurayn (orang yang tidak ada air atau debu untuk bersuci) ketika musafir boleh dijamakkan secara jamak takhir sahaja dan qasar

SOLAT

MASBUQ

Masbuq ialah makmum yang tidak dapat membaca Al–Fatihah ketika semasa imam berdiri. Maka tidak wajib atasnya sempurna membaca surah Al–Fatihahnya, hanya baca sekadar yang dapat dan dikehendaki ruku' bersama–sama dengan imam.

MUWAFIQ

Muwafiq ialah makmum yang dapat membaca surah Al–Fatihah ketika berdiri Imam dengan bacaan yang sederhana (pertengahan) di sini maka wajiblah atas makmum tersebut menyempurnakan bacaan surah Al-Fatihahnya.

SOLAT

KAIFIAT SOLAT DALAM KEADAAN SAKIT

- Lazimnya waris atau sesiapa jua boleh menolong orang sakit atau uzur untuk mengambil wuduk, setelah itu tentukan pesakit atau orang yang uzur itu mengadap kiblat mengikut keadaan dan daya kemampuannya seperti berikut:
  - Duduk iftirasy (seperti duduk antara sujud).
  - Berbaring mengiring mengadap kiblat.
  - Berbaring terlentang (kaki dan kepala mengadap kiblat).
  - Isyarat kepala
  - Isyarat mata
  - Memadai dikerjakan solat dalam hati.

SOLAT

ADAB DALAM MASJID

1. Niat i'tikaf bila masuk masjid
2. Solat sunat tahiyyatul masjid
3. Perbanyakkan solat sunat
4. Membaca Al-Quran
5. Berzikir
6. Bersedekah
7. Menjauhi perbuatan haram, makruh dan lagha (sia–sia)
8. Hendaklah mengadap ke kiblat ketika berdoa
9. Sentiasa dalam keadaan berwuduk

SOLAT QASAR

Mengerjakan Dua (2) Rakaat Sahaja Bagi Solat Zohor, Asar Dan Isyak. Tidak Bagi Solat Maghrib Dan Subuh

SYARAT-SYARAT SOLAT QASAR

1. Hendaklah perjalanan itu diharuskan oleh syarak.
2. Jauh perjalanan tidak kurang daripada dua (2) marhalah (91 kilometer).
3. Berniat qasar dalam takbiratul ihram.
4. Tidak berimam dengan orang yang solat tamam (sempurna).
5. Hendaklah solat qasar itu terdiri daripada solat yang empat (4) rakaat sahaja.

SOLAT JAMAK

Menghimpunkan Solat Zohor Dengan Asar, Maghrib Dengan Isyak

Jamak Taqdim

Mengerjakan solat Zohor dan Asar dalam waktu Zohor
atau
Maghrib dan Isyak dalam waktu Maghrib.

Jamak Ta'khir

Mengerjakan solat Zohor dan Asar dalam waktu Asar
atau
Maghrib dan Isyak dalam waktu Isyak.

SOLAT JAMAK

SYARAT JAMAK TAQDIM

- Mendahulukan solat Zohor daripada Asar dan Maghrib daripada Isyak.
- Berniat jamak dalam solat pertama sebelum salam (afdhalnya dalam takbiratul ihram)
- Berturut-turut di antara solat yang dijamakkan itu.
- Berkekalan perjalanan hingga takbiratul ihram solat yang kedua.
- Berkeyakinan adanya waktu solat yang pertama berkekalan sehingga didirikan solat yang kedua.

SOLAT JAMAK

SYARAT JAMAK TA'KHIR

- Hendaklah berniat jamak dalam waktu yang pertama,
- Berkekalan perjalanan hingga memberi salam solat yang kedua

PERHATIAN:

- Jamak ta'khir harus dikerjakan dengan menunaikan solat Asar diikuti dengan Zohor atau Isyak diikuti dengan Maghrib. Sunat dahulukan solat Zohor diikuti dengan Asar, begitu juga solat Maghrib dengan Isyak kecuali waktunya sempit tidak mencukupi dua solat fardu maka wajiblah didahulukan solat yang empunya waktu (sahibul wakt)
- Solat jamak dikerjakan dengan dua azan dan dua iqamah.
- Jika solat itu dikerjakan dengan berjemaah maka makmum hendaklah berniat menjadi makmun dan imam berniat menjadi imam.

SOLAT

SOLAT JAMAK DI ARAFAH DAN MINA



- Harus jamak solat fardu di Arafah dan Mina
- Solat jamak secara tamam (tidak qasar)
- Sebab harus jamak :
  - Kerana masyaqqah / hajjat *

Mesyuarat JK Ibadat Haji 1427/2006 –
Rujuk kitab al –Majmu' syarah al muhazzab, Imam Aby Zakariya Mahyuddin bin Syaraf al Nawawy ; m/s 384 jilid 4 Dar Fikr

SOLAT

WUDUK & SOLAT DAIMUL HADAS

- Jemaah haji yang mengalami Daimul Hadas yang ingin melakukan solat jamak tamam dalam khemah semasa di Mina dan mengalami masyaqqah (kesukaran) untuk mengulangi wuduk bagi solat kedua, **BOLEH** bertaklid pada Mazhab Hanafi yang berpendapat orang yang Daimul Hadas wajib memperbaharui wuduk setiap kali masuk waktu solat fardhu, bukan setiap solat fardhu dan sunat.

  (Pegangan ini terhad ketika di Masya'ir sahaja).

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan 2017

SOLAT

PERHATIAN

- Sebaik sahaja tiba di Madinah- jemaah haji tidak dibenarkan menunaikan solat secara jamak/ qasar – ini kerana mereka telah terputus dari status musafir.
- Jemaah telah mengetahui mereka akan berada di Madinah lebih daripada 4 hari 4 malam (mukim).
- Sebelum bertolak ke Makkah, jemaah tidak dibenarkan menunaikan solat jamak/qasar di hotel di Madinah ini kerana mereka belum lagi memulakan musafir.



SOLAT

PERHATIAN

- Solat secara jamak/qasar hanya boleh dilakukan setelah bas bergerak dan berhenti di masjid atau surau perhentian lebuh raya dalam perjalanan ke Makkah/ Madinah/Jeddah.

- Begitu juga bagi kes jemaah yang akan bergerak ke Arafah tidak dibenarkan menunaikan solat jamak/qasar semasa di bangunan penginapan Makkah, ini kerana jarak tidak mencukupi sebagai syarat qasar/jamak dan tiada hajat/ masyaqqah.